

Viquprin Tablet

Aspirin / Glycine (Aspirin 100mg; Glycine 45mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Viquprin
2. Bagaimana Viquprin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Viquprin
4. Cara menggunakan Viquprin
5. Semasa menggunakan Viquprin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Viquprin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Viquprin

Viquprin digunakan untuk menghalang pengumpulan platlet pada pesakit yang menjalani *aortocoronary by-pass surgery* (pembedahan pintas di bahagian jantung), juga untuk mencegah graft daripada tersumbat. Untuk kondisi di mana modifikasi platelet diperlukan, termasuk *transient ischaemic attacks* (kondisi darah tidak sampai ke otak), *myocardial infarction* (pencegahan sekunder serangan jantung) dan untuk pencegahan *stroke* (angin ahmar), *vascular occlusion* (saluran darah tersumbat) dan *deep vein thrombosis* (saluran darah tersumbat di bahagian betis).

Bagaimana Viquprin berfungsi

Aspirin mengurangkan kelekitan platelet, di mana membantu pencegahan pembentukan penggumpalan darah pada saluran darah.

Glycine membantu mengurangkan keradangan perut akibat pengambilan aspirin.

Sebelum menggunakan Viquprin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Viquprin jika anda terdapat alah terhadap bahan yang terkandung di dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

- Jangan ambil Viquprin jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Viquprin jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Viquprin

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda hamil atau merancang untuk hamil
- Anda sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Viquprin

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk dimakan sahaja.

Keradangan perut dapat dikurangkan dengan mengambil ubat ini selepas makan.

Dewasa: Ambil satu tablet sehari.

Tidak harus diberikan kepada kanak-kanak di bawah 16 tahun.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin akan mengakibatkan demam, rasa pening, kembung, kebas atau kekejangan otot pada tangan dan kaki, resah, denyutan jantung yang cepat, letih, kekeliruan dan sakit kepala.

Semasa menggunakan Viquprin

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ubat ini adalah untuk dimakan sahaja.

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan melebihi dos yang dibenarkan.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi ubat ini dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sila berunding dengan doktor anda atau ahli farmasi, terutamanya kepada mereka yang terdapat alahan dengan ubat ini.
- Produk ini tidak dibenarkan untuk kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

Kesan-kesan sampingan

- Gangguan gastrousus
Loya, ketidakhadaman, muntah, ulser perut, muntah darah dan pembuangan najis berwarna gelap.
- Reaksi hipersensitiviti
Ruam kulit, kegatalan dan bengkak, bersin, hidung berair, gatal dan tersumbat, mata berair dan gatal.
- Gangguan darah
Pembekuan darah terjejas, kekurangan platelet darah.

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Viquprin

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Tarikh luput produk ini ditunjukkan pada bungkusan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, berbentuk bulat, cembung dan tanpa ukiran pada dua belah.

Terdapat dalam pek 10 biji satu blister, 3 blister dalam satu kotak.

- Bahan- bahan kandungan

- Bahan aktif

Aspirin dan Glycine

- Bahan tidak aktif

Starch, Microcrystalline Cellulose dan Purified Talc.

- Nombor MAL

MAL

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/07/2020

Nombor Siri

NPRA (R2) 20/056